

09 JUNE 2000

Mahathir-G8

PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN BERTEMU MORI MENGENAI MESYUARAT G-8

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah perlu untuk memberikan negara-negara membangun satu suara pada mesyuarat negara-negara kaya Kumpulan Lapan (G-8).

"Saya mengutarakan mengenai perlunya untuk memberikan negara-negara membangun satu suara. Anda tahu, kelab yang amat eksklusif ini sudah baik jika apa yang mereka putuskan tidak menjejaskan orang lain tetapi apa yang mereka putuskan, menjejaskan kita," katanya.

Dr Mahathir mengulas mengenai perjumpaan pemimpin-pemimpin Asean pada hari ini dengan Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori di kediaman rasminya di kawasan Nagata-cho, di sini.

Perdana Menteri berkata demikian pada akhir temuramah dengan Universiti Keio dan akhbar Mainichi di sini. Sessi itu dikendalikan oleh "Mr Yen" Jepun, Prof Dr Eisuke Sakakibara.

Pemimpin-pemimpin G-8 dijadual bermesyuarat di Jepun pada Julai. Kumpulan itu dianggotai Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Amerika Syarikat dan Russia.

Perjumpaan pemimpin-pemimpin Asean selama kira-kira sejam itu bertumpu pada Sidang Kemuncak Okinawa negara-negara G-8 pada bulan depan. Sidang Kemuncak G-8 yang terakhir diadakan di Asia adalah tujuh tahun lepas.

Dr Mahathir berkata negara-negara membangun patut diberikan peluang untuk menjelaskan pandangannya kepada negara-negara kaya itu.

"Jadi berikan kami satu suara...kami tidak mahu duduk di meja yang sama tetapi jika anda bercakap mengenai sesuatu yang mempunyai kesan terhadap kami, tolong berikan kami peluang untuk memberikan pandangan kami.

"Kami telah banyak menderita di Malaysia. Anda tahu, hutang kami telah naik kira-kira dua setengah kali ganda kerana Plaza Accord," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata tujuannya ialah untuk menaikkan harga barangan Jepun tetapi hutang Malaysia adalah dalam Yen Jepun dan sekarang ia terpaksa membeli semua barangan Jepun pada harga yang lebih tinggi, dan negara-negara miskin tidak boleh membeli lagi.

"Untuk menyelesaikan masalah anda, anda mewujudkan masalah kepada negara-negara miskin dan saya berpendapat perkara itu tidak betul," kata Perdana Menteri.

Pemimpin-pemimpin Asean yang hadir pada perjumpaan dengan Mori itu ialah Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh, Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, Perdana Menteri Kemboja Hun Sen, Timbalan Perdana Menteri Vietnam Nguyen Manh Cam, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Presiden Filipina Joseph Estrada, Setiausaha 1 SPDC (pemimpin tentera) Myanmar Lt Jen Khin Nyunt.

Singapura diwakili Menteri Dalam Negerinya Wong Kan Seng manakala Brunei diwakili Menteri Perancangan dan Sumber Utama Abdul Rahman. Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Menteri Luar Jepun Yohei Kono.

Pemimpin-pemimpin Asean itu berada di sini bagi menghadiri upacara pengkebumian Perdana Menteri Keizo Obuchi yang diadakan semalam dan juga untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei Shimbun mengenai "Masa Depan Asia" selama dua hari yang berakhir hari ini. Dr Mahathir tiba di Jepun pada Rabu untuk lawatan kerja selama seminggu.

Perdana Menteri Mori semasa berucap pada jamuan malam persidangan itu lewat semalam berkata: "Bagi melihat bahawa perspektif negara-negara Asia digambarkan dalam perbincangan itu, kita juga telah mengambil kesempatan daripada setiap peluang yang ada untuk mengetahui pandangan mereka."

Katanya beliau mahu Sidang Kemuncak itu menyampaikan mesej yang positif dengan harapan bahawa abad ke-21 akan menjadi zaman yang lebih makmur, dan dunia yang lebih stabil bagi semua, dan bahawa ia juga akan menjadi abad yang cemerlang bagi Asia.

-- BERNAMA

GM RHM RON